#### KHUTBAH JUMAAT

### "PELIHARALAH DIRI KAMU DAN KELUARGA KAMU DARIPADA API NERAKA"

(12 Januari 2024M/ 30 Jamadilakhir 1445H)

الْحَمْدُ لِلهِ، الْحَمْدُ لِلهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيْدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللهُ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا. اللهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، إتَّقُوْا الله حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوْتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ.

## Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudahmudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita tumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh mengurangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya. Izinkan khatib untuk membawa hati dan jiwa sekalian yang hadir menghayati

khutbah yang bertajuk: "Peliharalah Diri Kamu Dan Keluarga-Mu Daripada Api Neraka".

#### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Allah *subhanahu wata'ala* menjadikan manusia mempunyai fitrah untuk memiliki pasangan hidup. Dengan memiliki pasangan hidup jiwanya menjadi tenang dan hidup berkasih-sayang. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ar-Rum, ayat 21:

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya ialah Dia menciptakan bagi kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu merasa tenang dan hidup mesra dengannya. Dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan bagi orang yang berfikir.

Pastinya setiap insan yang berumahtangga menginginkan sebuah keluarga yang bahagia dan tenang. Seharusnya ketenangan dan kebahagiaan yang dikecapi menjadikan seorang yang beriman kepada Allah mensyukuri nikmat perkahwinan yang dikurniakan kepadanya dengan mempertingkatkan taqwa dan seterusnya menjadi hamba Allah yang benar-benar taat.

# Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Seseorang yang memiliki iman dan kasih sayang pasti tidak

menginginkan dirinya dan mereka yang dikasihinya berada dalam kebinasaan. Setiap suami dan ayah perlu berjiwa akhirat, memikirkan masa depan akhirat diri dan keluarganya. Kehidupan bukan setakat terhenti sekadar di dunia ini sahaja kerana ada kehidupan yang abadi selepas perpindahan ruh daripada alam dunia ke alam barzakh. Seterusnya, menempuh kehidupan akhirat di mana setiap jiwa akan merentasi titian sirat di atas neraka jahanam. Tidak ada yang menginginkan dirinya jatuh ke dalam neraka. Maka, berusahalah sebaiknya untuk bersegera kepada taat ketika diberi kesempatan berada di dunia yang bersifat sementara ini. Firman Allah subhanahu wata'ala dalam surah at-Tahrim, ayat 6:

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya adalah manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh para malaikat yang kasar, bengis (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap setiap perkara yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap (setia) melaksanakan segala yang diperintahkan.

Betapa besarnya tugas yang perlu digalas oleh suami atau bapa yang perlu dilakukan supaya diri dan keluarganya terselamat dari neraka. Pimpin dan bantulah keluarga yang anda miliki agar menjadi orang Islam yang taat dan memiliki iman yang benar dan teguh supaya menuju ke akhir kehidupan iaitu syurga yang kekal abadi.

Isteri pula berganding bahu membantu suaminya dalam ketaatan dan mendidik anak-anak yang soleh dan solehah. Sabda nabi sallallahu alaihi wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar radiallahu anhu yang bermaksud:

"Setiap dari kamu adalah pemimpin, dan setiap dari kamu bertanggungjawab di atas apa yang dipimpinnya. Ketua negara bertanggungjawab ke atas rakyatnya, seorang lelaki adalah pemimpin bagi keluarganya dan dia bertanggungjawab di atas apa yang dipimpinnya, seorang hamba yang menjaga harta tuannya dan bertanggungjawab ke atasnya, seorang wanita adalah pemimpin di dalam rumahnya dan anak-anaknya dan dia bertanggungjawab di atas apa yang dipimpinnya."

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

#### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Ketahuilah bahawa wajib ke atas setiap orang untuk mempelajari ilmu mengenal Tuhan, Rasul, Hari Akhirat dan ilmu syariat untuk menunaikan segala yang diwajibkankan-Nya serta meninggalkan larangan-Nya. Sebagaimana kita sebagai seorang suami atau bapa wajib belajar akan fardhu ain, wajib pula mengajarkannya kepada anak dan isteri. Jika tidak mampu, maka gesalah mereka supaya belajar dengan guru-guru agama supaya mereka tahu akan perkaraperkara yang wajib dalam urusan agama.

Perkara-perkara yang wajib atas setiap muslim mempelajari dari ilmu agama tidaklah terlalu banyak dan tidak menyukarkan. Jika bersungguh-sungguh mempelajarinya, nescaya Allah akan

mudahkan baginya mendapat ilmu, asalkan dia memperbetulkan niat.

Tiga teras dan asas yang perlu dipelajari ialah ilmu akidah yang berteraskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah, ilmu feqah bertujuan untuk pelaksanaan ibadah dan mengamalkan syariat Islam serta ilmu akhlak agar berakhlak dengan mencontohi akhlak baginda Nabi Muhamad sallallahu alaihi wasallam. Ianya sangat penting, agar tidak ada ahli keluarga yang terlibat dengan ajaran dan kefahaman sesat yang merugikan kehidupan di dunia dan akhirat. Dengan adanya ilmu dan kefahaman yang baik lagi benar, pastinya menjadikan individu tersebut berakhlak mulia, dapat membentuk ahli keluarganya hidup berkasih sayang, tolong menolong, hormatmenghormati dan mengutamakan sikap toleransi.

#### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Selain itu, dengan adanya ilmu agama juga, maka sesebuah keluarga itu terpandu untuk memelihara pegangan kepercayaan dalam dirinya iaitu akidah, kewajiban solat lima waktu sehari semalam, kewajiban menjalankan ibadah puasa, menunaikan zakat dan ibadah-ibadah yang lain serta berakhlak dengan akhlak terpuji. Sirah dan keperibadian Rasulullah sallallahu alaihi wasallam seharusnya dijadikan panutan dan panduan dalam mengharungi kehidupan berkeluarga dan menjadi idola anak keturunan kita. Semoga usaha ke arah ketaatan ini akan meraih redha Allah subhanahu wata'ala dan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam. Semoga kita semuanya tidak tergolong dalam golongan seperti

dalam ayat yang dibacakan tadi iaitu kalangan mereka yang menjadi bahan-bahan bakar neraka, sebaliknya menjadi penghuni syurga firdaus yang kekal abadi. Amin.

#### Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada kali ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan menjadikannya sebagai panduan dalam menghadapi tahun baharu 2024 yang semakin mencabar, sejurus kedua-dua kaki kita melangkah keluar dari perkarangan solat jumaat pada hari ini. Antaranya;

**Pertama**: Keluarga merupakan amanah kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*. Maka peliharalah sebaik mungkin demi kesejahteraan di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat.

**Kedua**: Ilmu agama iaitu fardhu ain perlu dipelajari. Maka, jadilah penuntut ilmu sepanjang hayat dan didiklah ahli keluarga sebaiknya.

**Ketiga**: Membina keluarga yang bahagia bukan sekadar untuk kehidupan di dunia semata-mata. Akhirat jualah tempat tujuan dan kebahagian yang abadi.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu* wata'ala dalam Surah at-Thur, ayat 21:

Maksudnya: Dan orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam syurga), dan kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka, tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.

بَارَكَ الله لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالنِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِي وَالنَّكِرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَا لَهُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيْمُ.

#### KHUTBAH JUMAAT KEDUA

اَلْحَمْدُ لِلهِ. اَلْحَمْدُ لِلهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَوِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللهُمَّ مَا يَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، إتَّقُوا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، إتَّقُوا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ.

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

قَالَ اللهُ تَعَالَىٰ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، فِيْ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، فِيْ الْعَالَمِیْنَ، إِنَّكَ جَمِیْدٌ مَجِیْدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيِّيْنَ، سَادَاتِنَا أَبِيْ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُمَرَ وَعُمَرَ وَعُمَرَ وَعُمَرَ وَعُمَرَ وَعُلِيِّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَآءِ مِنْهُمْ وَاللهُمُّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِيْنَ الظَّالِمِيْنَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّيْنِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِيْنَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ أَعْدَاءَ الدِّيْنِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِيْنَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ فَعَدَاءَ اللهُ اللهُمَّ عَلَيْهِمْ بَدِدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزُلْزِلْ فَي فَلَسْطِينَ، اللّهُمَّ بَدِدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِتْ كَلِمَتَهُمْ، وَرَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللهُ اللهُ يَا اللهُ اللهُ يَا اللهُ اللهُ يَا اللهُ يَعْمَا اللهُ يَعْتِلْ المُنْ الْمُنْ الْلِلْ الْعُلْمُ الْمُنْ الْمُلْعُمُ الْعِلْمُ الْمُنْ الْعَلْمُ الْعُلْمُ الْمُ الْعَلْمُ الْمُنْ الْعُلْمُ الْمُنْ الْعُلْمُ اللهُ الله

الله مَ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، اِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

اَللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا فِيْ كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوْصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِيْنَ، وَارْفَعْ عَنْهُمُ اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا فِيْ كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوْصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِيْنَ، وَارْفَعْ عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَآ أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أُمِيْن، أُمِيْن يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

عِبَادَ اللهِ. إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَآءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَرْبَىٰ وَالْمُنْكُرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكُرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَصْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللهِ يَذْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَصْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكُرُ اللهِ الْحَبَرُ. وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيْمُوا الصَّلَاةِ.